

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

YB Dato' Tuan Ibrahim Bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menangani isu LGBT dan adakah Kerajaan bersedia memperkasa sistem perundangan Islam sebagai langkah solusi mengekang gejala songsang daripada terus berleluasa.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung langkah Kerajaan dalam menangani isu LGBT, Kerajaan Malaysia berpegang dengan kenyataan YAB Perdana Menteri pada 21 September 2018 dan yang terkini pada 16 Jun 2019 di Cambridge Union, United Kingdom yang menegaskan bahawa Malaysia tidak akan mengalah kepada sebarang tekanan untuk menerima amalan songsang di kalangan rakyat negara ini terutamanya yang melibatkan unsur Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT).

Bahkan YAB Perdana Menteri turut menegaskan bahawa Malaysia seharusnya berpegang teguh kepada nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama yang sekian lama diterapkan di kalangan masyarakat tempatan.

Justeru, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi agama Islam peringkat Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri telah mengambil inisiatif menyantuni golongan ini melalui pendekatan berikut:

i. Program Pendidikan dan Advokasi

Program ini berbentuk seminar mengenai isu-isu LGBT yang menasarkankan masyarakat awam termasuk pelajar- pelajar sekolah, universiti awam dan swasta (UA/US), kaunselor sekolah/UA/US, ibu bapa, sukarelawan sosial Islam, staf kesihatan dan wakil NGO sosial Islam. Seminar ini membincangkan isu LGBT dari aspek psikososial, psikologikal, psikospiritual dan kesihatan agar peserta mendapat maklumat dan kemahiran yang tepat bagi menghindari perlakuan LGBT serta membantu golongan yang terlibat untuk meninggalkan perlakuan LGBT. Sehingga Jun 2019, seramai 1,900 orang peserta telah menyertai seminar berkenaan;

ii. Program Temuseru (*Outreach*)

JAKIM juga mengambil inisiatif menyantuni golongan ini dengan melaksanakan aktiviti temuseru (*outreach*) ke kawasan yang dikenalpasti serta mengajak mereka yang beragama Islam menyertai program rawatan dan pemulihan (*'Ilaj wa Syifa'*) secara sukarela dalam Program Mukhayyam yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Sehingga Jun 2019, seramai 1,480 orang komuniti LGBT yang beragama Islam telah menyertai Program Mukhayyam ini dengan menekankan lima (5) elemen penting iaitu kesedaran kerohanian, bimbingan fardhu ain, kesedaran kesihatan, motivasi diri serta aktiviti riadah.

iii. Kerjasama Strategik

JAKIM dengan kerjasama Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM) telah menjadi rakan strategik kepada NGO Hijrah LGBT seperti Pertubuhan Hijrah Republique yang berpusat di Ampang dan Kedah, Usrah Iqrah di Putrajaya, Persatuan Insaf Pahang di Kuantan, My Hijrah My Adventure di Johor Bharu, Kifahuna Jemaa di Kelantan, T-Fitrah di Terengganu, Usrah Fitrah dan Pertubuhan Insan Permata Disayangi di Selangor. Mereka merupakan komuniti LGBT yang telah berhijrah dan kini melaksanakan aktiviti susulan selepas Program Mukhayyam JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri seperti usrah dan kelas pengajian, sebagai suatu bentuk sokongan dan bimbingan yang berterusan (*peer support*) kepada mereka yang masih terlibat dengan perlakuan LGBT, agar dapat melakukan perubahan secara konsisten dan berpanjangan.

Berhubung dengan pemerkasaan sistem perundangan Islam Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada seperti undang-undang Syariah Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri berkenaan gejala songsang tersebut seperti perlakuan liwat, musahaqah dan orang lelaki berlagak seperti perempuan sebagaimana yang termaktub di dalam Seksyen 25, Seksyen 26 dan Seksyen 28 di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dapat mengendalikan isu-isu tersebut.

Justeru, Kerajaan akan memastikan penguatkuasaan undang-undang ini akan terus dilaksanakan dalam usaha untuk membendung gejala LGBT ini dari terus berleluasa. Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan undang-undang sivil berkenaan persetujuan yang bertentangan dengan aturan tabii di bawah Seksyen 377A Kanun Keseksaan.

Sekian, terima kasih.